

12/03/2002

MB cabar Keadilan bertanding di Ketari

BENTONG, Isnin - Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini mencabar kewibawaan Parti Keadilan supaya bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, jika parti itu tidak mahu digelar pengecut.

Beliau yang juga Pengarah Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Ketari, berkata tiada guna parti pembangkang itu mengetengahkan pelbagai isu di Ketari sekarang jika parti itu tidak meletakkan calonnya di sini.

"Mengapa meralah cepat (tidak bertanding), tapi pada masa yang sama mengemukakan pelbagai isu mengaburi rakyat di Ketari.

"Tindakan mereka seperti "baling batu sembunyi tangan". Ini sikap orang pengecut.

"Kalau Keadilan nak betul-betul main isu, masuk bertanding kerana lebih ramai, lebih bagus," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri di Pejabat Tanah Bentong, di sini.

Beliau ditanya mengenai keputusan Keadilan Pusat untuk tidak meletakkan calonnya di Ketari serta isu pemberian hak milik tanah terhadap peneroka Felda Mempaga 1 oleh parti itu kebelakangan ini.

Adnan berkata, pengundi dan rakyat di Ketari tidak mudah diperkotak-katikkan dengan isu yang tidak konkrit seperti kelewatan pengagihan hak milik tanah itu.

Katanya, kerajaan negeri memang menunggu masa yang sesuai untuk mengagihkan hak milik tanah itu kepada peneroka, tetapi kebetulan berlaku kematian wakil rakyat, Datuk Loke Koon Kam, minggu lalu.

"Malah geran untuk Mempaga 1 kini disimpan oleh pengurus Felda sementara pentadbir tanah daerah sebelum ini sering menghubungi saya untuk menetapkan tarikh mengadakan majlis pengagihan itu."

Adnan berkata, beliau tidak mahu jawapannya itu digunakan Keadilan sebagai modal politiknya, kononnya kerajaan negeri hanya bertindak selepas isu ini dikemukakannya," katanya.

Beliau berkata, bagi peneroka di Mempaga 2 dan 3, mereka diminta bersabar kerana kerajaan negeri sedang peringkat akhir mengeluarkan geran hak milik.

Ditanya sejauh mana isu itu boleh mempengaruhi pengundi, terutama di kalangan peneroka, beliau berkata:

"Isu ini memang biasa setiap kali pilihan raya. Saya sepatutnya berterima kasih kepada Keadilan kerana membawa isu ini. Soal bila kerajaan nak beri surat hak milik, itu terpulang kepada kita."

Mengenai pelantikannya sebagai pengarah pilihan raya BN di Ketari, yang diputuskan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno, kelmarin, beliau berkata siapa yang menjadi pengarah tidak penting asalkan Ketari dapat dipertahankan.

Katanya, tugas itu tidak dapat dilakukannya seorang tetapi perlu sokongan sepenuhnya semua pimpinan komponen BN.

"Saya mesti dibantu oleh tokoh dari pusat dan negeri, terutama kepimpinan semua parti komponen BN," katanya yang mengucapkan terima kasih kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memilihnya.

Kepada soalan lain, beliau berkata, isu terlalu ramai senarai calon Gerakan tidak sepatutnya timbul kerana yang penting calon terbabit benar-benar berkebolehan.

Pengumuman mengenai calon BN di Ketari dijangka diumumkan Adnan, esok

(Rabu) selepas mendapat pengesahan daripada Dr Mahathir.
(END)